

Cara terbaik menghapuskan fitnah

CARA terbaik untuk menghapuskan amalan fitnah ialah dengan menyemaikan sifat bencikan perbuatan itu di kalangan masyarakat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sebarang pindaan kepada akta untuk mencegah perbuatan fitnah tidak akan memberi kesan jika masyarakat masih tidak mengambil berat terhadapnya.

Menjawab soalan Senator Hassan Harun yang meminta dikenakan hukuman mandatori terhadap pesalah perbuatan fitnah sama seperti kes dadah, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak boleh samakan

hukuman mandatori kesalahan dadah dengan fitnah kerana dadah boleh dibuktikan melalui ukuran beratnya tetapi fitnah sukar untuk membuat ukuran," katanya.

Kepada soalan asal Senator Dr Nordin Selat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap golongan yang menyebarkan fitnah untuk kepentingan diri.

Katanya, kerajaan juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pencetak, penerbit, penyunting dan penulis yang menyebarkan fitnah sehingga boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Beliau berkata, bagaimanapun, sama ada tindakan itu berhasil atau tidak bergantung kepada penilaian yang diberi terhadap fitnah mengikut sistem perundangan negara ini.

"Jika fitnah dipandang ringan dan mereka yang melamparkan fitnah tidak dihukum dengan setimpal, maka fitnah tentulah berleluasa," katanya.

Kepada soalan tambahan Senator Mustafa Awang, beliau berkata, kerajaan tidak dapat menganggarkan jumlah buku yang dianggap fitnah tetapi mengesahkan ada banyak buku dan akhbar yang dipunyai pihak tertentu,

menyebarkan fitnah.

Menurutnya, perbezaan pandangan mengenai fitnah menyukarkan kerajaan untuk mengatasinya kerana ada pihak yang beranggapan apa yang dilakukan oleh mereka bukan perbuatan fitnah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak membawa tuduhan fitnah yang dilemparkan oleh pihak tertentu ke mahkamah kerana bukan mudah untuk menyakinkan sesuatu perbuatan itu dianggap fitnah.

Sehubungan itu, katanya, ramai rakyat negara ini yang kurang berminat untuk membawa kes fitnah itu ke mahkamah.